



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada jam 10.00 pagi ini menunjukkan sepuluh (10) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, tiga puluh tujuh (37) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, dan **dua puluh (20) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini, iaitu:**

TIDAK SIHAT

1. IPD Serian, SARAWAK (IPU - 170)
2. Kuching, SARAWAK (IPU - 169)
3. Seri Manjung, PERAK (IPU - 163)
4. Sri Aman, SARAWAK (IPU - 163)
5. Samarahan, SARAWAK (IPU - 163)
6. Sibu, SARAWAK (IPU - 158)
7. Shah Alam, SELANGOR (IPU - 156)
8. Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR (IPU - 154)
9. Cheras, W.P. KUALA LUMPUR (IPU - 153)
10. Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA (IPU - 153)
11. Nilai, NEGERI SEMBILAN (IPU - 151)
12. Larkin, JOHOR (IPU - 151)
13. Sarikei, SARAWAK (IPU - 151)
14. Johan Setia, SELANGOR (IPU - 133)
15. Bintulu, SARAWAK (IPU - 127)
16. Petaling Jaya, SELANGOR (IPU - 119)
17. Bukit Rambai, MELAKA (IPU - 117)

18. Kapit, SARAWAK (IPU - 110)

19. Tanjung Malim, PERAK (IPU - 107)

20. Tawau, SABAH (IPU - 103)

Berdasarkan rekod pemantauan JAS pada jam 10.00 pagi, 19 September 2026, beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah merekodkan bacaan pada tahap tidak sihat.

Keadaan ini berlaku dalam persekitaran cuaca kering yang berterusan di sebahagian Rantau Selatan ASEAN. Berdasarkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 18 September 2026, sebanyak 1,143 titik panas dikesan di Kalimantan, 89 di Sumatera dan tiada titik panas dikesan di Malaysia. ASMC turut melaporkan kepulan asap sederhana diperhatikan berpunca daripada titik panas di bahagian selatan Sumatera. Kepulan asap sederhana hingga tebal dari Kalimantan diperhatikan bergerak ke arah bahagian barat Sarawak dan bahagian selatan Filipina.

TINDAKAN JAS

Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus memberi perhatian terhadap risiko kebakaran, khususnya di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah yang terdedah kepada risiko kebakaran dalam keadaan cuaca panas dan kering. Kejadian kebakaran di kawasan berkenaan berpotensi menghasilkan asap dan pelepasan bahan pencemar yang boleh menjejaskan kualiti udara setempat sekiranya tidak dikawal dengan segera.

Dalam konteks kawalan pencemaran udara, JAS akan terus memberi perhatian terhadap sebarang aktiviti pembakaran terbuka dan kejadian kebakaran yang berpotensi menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara. Pemantauan akan dipertingkatkan sekiranya berlaku peningkatan pencemaran udara, manakala tindakan sewajarnya akan diambil mengikut bidang kuasa dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa bagi meminimumkan kesan terhadap alam sekitar dan kesihatan awam.

Tindakan penguatkuasaan turut diperkukuhkan melalui pemeriksaan dan rondaan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko termasuk kawasan pertanian, tanah gambut, kawasan ladang, tapak pelupusan sampah serta lokasi yang mempunyai potensi berlaku pembakaran terbuka. Sekiranya terdapat kesalahan yang dikenal pasti, tindakan susulan akan diambil berdasarkan hasil pemeriksaan, siasatan dan bukti yang diperoleh di lapangan. Pada masa yang sama, JAS akan terus memantau bacaan IPU, titik panas dan perkembangan jerebu rentas sempadan, dengan mengambil kira maklumat meteorologi sebagai input dalam penilaian situasi serta penyelarasan tindakan pengurusan jerebu di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

JAS turut menekankan kerjasama pihak industri dalam memastikan pelepasan udara daripada punca utama dikurangkan, khususnya di kawasan yang mencatatkan bacaan IPU melebihi 300, selaras dengan keperluan kawalan pencemaran dan tanggungjawab pihak industri dalam membantu mengurangkan tekanan terhadap kualiti udara.

TINDAKAN SELARAS PTJK

Tindakan JAS dilaksanakan secara bersepadu selaras dengan PTJK yang menetapkan peranan pelbagai agensi berdasarkan tahap dan perkembangan situasi jerebu. Antara mekanisme yang digariskan ialah pengaktifan Jawatankuasa Pengurusan Bencana oleh NADMA apabila:

- bacaan IPU melebihi 150 selama lebih 24 jam;
- penghentian aktiviti luar bilik darjah apabila IPU melebihi 100;
- penutupan sekolah, tadika dan taska apabila IPU melebihi 200; dan
- pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan tertakluk kepada kehadiran awan dan keadaan cuaca yang sesuai apabila bacaan IPU melebihi 150 selama lebih 24 jam.

JAS akan terus mengemukakan maklumat berkaitan perkembangan situasi, hasil pemantauan, rondaan, OMPT dan tindakan penguatkuasaan secara berkala mengikut mekanisme pelaporan yang ditetapkan. Ini bagi memastikan perkembangan situasi

dapat dinilai secara berterusan dan tindakan sewajarnya dapat diselaraskan di semua peringkat.

Dalam keadaan semasa, JAS tidak akan berkompromi terhadap sebarang pembakaran terbuka yang dikenal pasti berpunca daripada aktiviti manusia, khususnya sekiranya aktiviti tersebut menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara. Tindakan pencegahan, pemeriksaan, siasatan dan penguatkuasaan akan diteruskan berdasarkan bukti serta bidang kuasa yang diperuntukkan kepada JAS.

ORANG RAMAI DIMINTA BEKERJASAMA

JAS menyeru orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka, khususnya ketika keadaan cuaca panas dan kering serta kualiti udara berada pada tahap yang tidak sihat hingga berbahaya. Orang ramai juga diminta supaya tidak membenarkan tanah atau premis milik mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan berlakunya pembakaran terbuka.

Selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024, kesalahan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda minimum RM25,000 hingga RM1,000,000, atau penjara sehingga lima tahun, atau kedua-duanya. Kompaun sehingga 50 peratus daripada denda maksimum juga boleh dikenakan bagi setiap kesalahan.

Orang ramai diminta segera melaporkan sebarang kejadian kebakaran atau pembakaran terbuka kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui talian 999 atau JAS melalui talian bebas tol 1-800-88-2727 bagi membolehkan tindakan segera diambil.

Bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) terkini yang dikemas kini setiap jam boleh disemak dan dirujuk melalui Sistem Pengurusan Indeks Pencemar Udara (APIMS) Jabatan Alam Sekitar (JAS), aplikasi rasmi MyJAS EQMS serta saluran rasmi JAS di laman sesawang Jabatan. Orang ramai juga disaran agar sentiasa mendapatkan maklumat berkaitan kualiti udara daripada saluran rasmi JAS dan tidak bergantung kepada sumber yang tidak disahkan. Pada masa yang sama, orang ramai

dinasihatkan supaya sentiasa mengikuti arahan serta nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)..

JAS akan terus memantau, menilai dan bertindak berdasarkan perkembangan kualiti udara serta keadaan jerebu semasa, di samping memperkukuh kerjasama dengan NADMA, dan semua agensi berkaitan bagi memastikan tindakan menangani jerebu dilaksanakan secara pantas, terselaras dan berkesan.

memperkukuhkan tindakan untuk:

HAJAH AZURI AZIZAH BINTI HAJI SAEDON
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
19 SEPTEMBER 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4

Peta Jerebu Serantau Yang Dikeluarkan Oleh ASMC Pada 18 September 2026

